

**Telephone :** Brunei Student Unit  
020 – 7402 0045  
Brunei Hall  
020 – 7402 0953  
**Website :** www.upp.org.uk  
**E-mail :** enquiries@upp.org.uk



اونيت فنونتوت-فنونتوت بروني  
سوروهنجاي تيغئي نخارا بروني دارالسلام  
**BRUNEI STUDENTS UNIT**  
**HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM**  
35 – 43 NORFOLK SQUARE  
LONDON W2 1RX  
UNITED KINGDOM

**SURAT PEMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT**  
**BILANGAN 02/2022**  
**PEMAKLUMAN BAGI LATIHAN PENEMPATAN SEMENTARA**  
**DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMASA CUTI MUSIM PANAS**

Dengan hormat sukacita menarik perhatian:

- a. **pelajar-pelajar Biasiswa kerajaan (MOE, MFA, MORA, YAYASAN) tahun 2** yang akan menggunakan kemudahan tambang kerajaan **Biennial Leave** semasa cuti musim panas pada bulan Julai hingga September 2022.
- b. pelajar-pelajar **Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan**
- c. Pelajar-pelajar persendirian

2. Sebagai salah satu inisiatif Unit Penuntut-Penuntut dan Kementerian Pendidikan untuk memberikan pendedahan dan pengalaman kepada dunia pekerjaan sebenar bagi penuntut-penuntut yang sedang belajar di United Kingdom, setiap **pelajar tahun 2 Ijazah Sarjana Muda Biasiswa kerajaan** adalah **digalakkan** untuk mengikuti latihan penempatan sementara semasa cuti musim panas di Negara Brunei Darussalam sekurang-kurangnya bagi tempoh **tiga (3) hingga enam (6) minggu**.

3. **Pelajar-pelajar SBPP dan persendirian** juga adalah dialu-alukan untuk menjalani latihan penempatan sementara.

4. Walaubagaimanapun, latihan tersebut nanti adalah juga **tertakluk kepada penerimaan dan kuota** yang diperuntukkan oleh agensi-agensinya yang dipohonkan oleh penuntut.

<b>SYARAT-SYARAT ADALAH SEPERTI BERIKUT:</b>	
1	Latihan hendaklah di adakan di Negara Brunei Darussalam sahaja sama ada agensi kerajaan ataupun swasta;
2	Mengenalpasti dua (2) buah jabatan/ kementerian/ pertubuhan/ syarikat yang berkaitan dengan kursus yang sedang diikuti;
3	Latihan penempatan sementara bagi setiap agensi ialah selama tiga (3) minggu dan menjadikan keseluruhan latihan selama enam (6) minggu atau jika 1 jabatan sahaja latihan penempatan hendaklah dijalankan selama empat (4) minggu.

4	Setiap penuntut yang berhasrat untuk menggunakan kemudahan tambang kerajaan <i>Biennial Leave</i> semasa cuti musim panas hendaklah terlebih dahulu menghadapkan <b>Borang Penempatan Sementara</b> (link). Dan apabila tiba ke Negara Brunei Darussalam hendaklah melapor diri ke Jabatan Pengurusan Bahagian Biasiswa, MOE.
5	Borang Latihan Penempatan Sementara hendaklah di emel kepada Ms Asmani Hassan, academic@upp.org.uk selewat-lewatnya pada <b>01 March 2022</b> .
6	Pelajar yang dikehendaki menghantar CV bersama dengan Borang Latihan Penempatan Sementara tersebut.
7	Untuk penuntut yang diikatjanji sebagai pendidik hendaklah meletakkan nama sekolah / institusi yang dipilik di dalam borang tersebut.

4. Dalam hubungan ini, Unit Penuntut-Penuntut sukacita berharap para penuntut akan mengambil peluang baik ini untuk menimba pengalaman di bidang pekerjaan sebenar walaupun ianya tidak dimestikan.

Sekian disampaikan untuk perhatian dan tindakan setiap penuntut mengenainya.

والسلام

*"Rakyat Bersepadu Menjaga Kesihatan Bersama"*



**Mohammad Danny bin Aimi**  
Pengarah Pengajian  
Unit Penuntut-Penuntut, London

Rujukan: BSU/E/5 Part XV

Tarikh: 23 Jamadilakhir 1443H / 25 Januari 2022

/ah/2022